



نِسْبَاتُ الْوَالِدِ وَالْوَالِدَاتُ كُنُوزٌ لَا يَمْلِكُ الْفَنَاءُ أَنْ يَنْزِعَهُنَّ أَمْوَالُهُنَّ وَلَا يَتْلُوَنَّهَا حُجْرًا وَأَنْ يَسْتَأْذِنَهُنَّ لِيُخْرِجَهُنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ وَالْمَسْجِدَ لِلدِّعْوَى وَاللَّيْلُ لِلنِّسَابِ وَالنَّهَارُ لِلدِّعْوَى وَالشَّجَرُ لِلشَّيْءِ وَالْخَيْلُ لِلْمَرْحَلِ وَالْجِبَالُ وَالْأَنْبَاءُ لِلدِّعْوَى وَالْأَنْبَاءُ لِلدِّعْوَى وَالْأَنْبَاءُ لِلدِّعْوَى

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang

#Pahang 1st

Ruj. Kami : PERB. PHG.BPP 600-1/5/2/(23)
Tarikh : 2 Mei 2020

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YH Dato' Sri/YH Dato/Tuan,

LAPORAN DAN MESYUARAT KEWANGAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan selaras dengan arahan kerajaan berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020, berikut adalah peraturan berkaitan Laporan dan Mesyuarat Kewangan :

2.1 Penyata Penyesuaian Akaun Vot, Hasil dan Amanah Bulanan

Rujukan: **Arahan Perbendaharaan 143(b)** dan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018,**

Penyata Penyesuaian Akaun Vot, Hasil dan Amanah hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negeri selewatnya pada 14 hb bulan berikutnya.

Penyata Penyesuaian bulan Mac, April dan Mei 2020 hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 15 Jun 2020.

2.2 Penyata Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) Bulanan

Rujukan: **Arahan Perbendaharaan 145(a) dan (b),**
Penyata KKWT bulanan hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negeri selewat-lewatnya 10hb bulan berikutnya.

Penyata KKWT bulan Mac, April dan Mei 2020 hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 15 Jun 2020.

2.3 Senarai Baki Pendeposit

Rujukan : **Arahan Perbendaharaan 159,**

Senarai baki pendeposit hendaklah disediakan pada setiap suku tahun dan dihantar pada bulan berikutnya kepada Akauntan Negeri.

Senarai Baki Pendeposit bagi suku tahun pertama adalah dikecualikan dan Senarai Baki Pendeposit bagi suku tahun kedua hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Julai 2020.

2.4 Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Rujukan : **Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1,**

Laporan JPKA bagi suku tahun pertama hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 15 Mei 2020.

Mesyuarat dan Laporan JPKA bagi suku tahun pertama adalah dikecualikan dan Laporan Suku Tahun Kedua perlu dihantar selewat-lewatnya 15 Ogos 2020.

2.5 **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)**

Rujukan : **Pekeliling Perbendaharaan AM 1.1,**

JKPAK hendaklah bermesyuarat setiap tiga (3) bulan sekali selepas tamat tempoh sesuatu suku tahun

Mesyuarat bagi suku tahun pertama adalah dikecualikan dan Mesyuarat Suku Tahun Kedua perlu diadakan dalam tempoh Julai - Ogos.

2.6 Penyata Kutipan Hasil

Rujukan : **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bilangan 2 Tahun 2017,**

Penyata Kutipan Hasil suku tahun pertama hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 30 April 2020.

Laporan Kutipan Hasil bagi Suku Tahun Pertama adalah dikecualikan dan Penyata Kutipan Hasil suku tahun kedua hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Julai 2020.

Ruj. Kami : PERB. PHG.BPP 600-1/5/2/(23)

3. Perhatian dan tindakan pihak YB Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YH Dato' Sri/YH Dato/ tuan adalah diharapkan agar prestasi pengurusan kewangan jabatan masih dapat dipantau walaupun terdapat kekangan dalam tempoh PKP.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)**
Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur

s.k. i. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Pahang
ii. Akauntan Negeri Pahang